

Headline	Caj tambahan naik 1.6 peratus		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	3
ArticleSize	112 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,012		



## Caj tambahan naik 1.6 peratus

**KUALA LUMPUR** - Caj tambahan bagi Tabung Tenaga Boleh Diperbaharui (RE) akan disemak semula daripada 1 peratus kepada 1.6 peratus berkuat kuasa 1 Januari 2014.

Pengerusi Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Seda), Datuk Dr Yee Moh Choi berkata, pelanggan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) akan dikenakan caj itu buat pertama kali bermula 2014.

"Pengenalan caj tambahan 1.6 peratus bagi bil elektrik di Sabah bermakna mekanisme Tarif Galakan (FiT) kini akan terpakai bagi seluruh negeri Sabah.

"Projek RE di Sabah sebelum ini di bawah program Program Pembangunan Janakuasa Kecil Tenaga Yang Boleh Diperbaharui (Srep) dan telah mencapai operasi komersial pada 1 Disember 2011," katanya.

Bagaimanapun, pelaksanaan FiT tidak boleh didapati di Sarawak yang mempunyai ordinan sendiri dan perundangan mengawal bekalan elektrik di negeri berkenaan.

Sejak akhir Oktober lalu, mekanisme FiT telah memberi manfaat kepada 775 pemilik rumah yang telah memasang sistem PV solar di bumbung.

Menurutnya, sambutan orang ramai memasang sistem PV solar amat menggalakkan dan mendorong orang ramai melibatkan diri dalam menjana elektrik boleh diperbaharui bagi menyokong agenda nasional.

"Saya berharap orang ramai akan terus menyokong peranan dimainkan dana RE disumbangkan oleh pengguna elektrik dalam usaha negara untuk tenaga hijau dan pertumbuhan tenaga bersih agresif," katanya.

Pelaksanaan Tarif Galakan (FiT) itu dilakukan sejak 1 Disember 2011, dan caj tambahan itu hanya akan dikenakan kepada pengguna bagi jumlah bil elektrik RM77 ke atas atau penggunaan lebih 300kWh sebulan.

Hanya 29 peratus pengguna domestik di Semenanjung Malaysia dan 38 peratus (Sabah) akan menerima kesan kepada kenaikan caj tambahan itu.